



“SEBAGAI PENGANUT ISLAM, KITA PERCAYA BERLAKUNYA GANGGUAN MAKLUK HALUS ATAU JIN SAMA ADA DISEBABKAN SIHIR, SAKA DIWARISI ATAU KEHADIRAN JIN NAKAL YANG BERNIAT MENGGANGGU GUGAT KEIMANAN KEPERCAYAAN ORANG ISLAM”

Dr Zul Azlin Razali,

Pensyarah Kanan Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia

Tidur bawa pisau

Biasanya, Hariyati akan menemani Kak Long tidur malam. Satu malam, Kak Long menyembunyikan pisau di bawah bantal dek delusi diceritakan orang luar ketika tidur.

“Nasib baik saya sedar dan tenangkan dia untuk tidur, selepas itu sembunyi pisau di tempat lain. Biasanya, Kak Long akan buat perangai dengan saya saja, hinggan ada kalanya memaksa saya berkejar dari tempat kerja kerana risaukannya,” kata Hariyati.

Tidak sedikit air mata tumpah menngisi nasib malang yang berlaku pada anaknya itu, Hariyati berkata dia puas berikhtiar menyembuhkan penyakit Kak Long sama ada secara moden atau tradisional, tetapi menemui jalan buntu.

Kak Long tidak sembuh, duit semakin banyak dihabiskan dan orang sekeliling mula menjauhkan diri serta mencemuh Kak Long kerana menganggapnya ‘gila’.

Kata Mama, ramai melemparkan sindiran dan mence-

muh apabila beliau berkongsi maklumat mengenai Kak Long, padahal niatnya ikhlas berkongsi cerita dengan orang ramai sebagai panduan sekiranya ada ahli keluarga atau rakan menunjukkan simptom masalah jiwa.

Fikiran negatif

“Bukan mudah jaga anak yang alami kemurungan. Selalu orang salah anggap dan mencemuh, hanya Allah tahu bagaimana cabaran menguruskan mereka ini. Itu belum lagi berdepan ancaman kata nista, amukan dan perangai Kak Long yang sukar dijangka.

“Kadang-kala, orang yang selalu buruk sangka, penuh fikiran negatif tergolong sebagai sakit mental. Anak saya, Kak Long sejak sakit kemurungan hampir sembilan tahun ini mempunyai tahap pemikiran negatif sangat tinggi.

“Dia akan selalu kata, ada orang benci dia, ada orang nak santau dia, orang nak marah dia dan ada orang lain

sedang mengumpat pasal dia. Pernah juga dia kata, jika saya keluar rumah, saya bercadang nak tinggalkan dia seorang diri kat rumah biar dia terus susah,” katanya yang nekad untuk terus mencari jalan menyembuhkan anaknya itu.

Kelakuan Kak Long yang tidak diduga seperti mengamuk dan menghilangkan diri mengundang kesabaran orang ramai, begitu juga ahli keluarga. Sebagai ibu, Hariyati terus bersabar melayan kerenah Kak Long hingga menyebabkan ahli keluarga sanggup menjaganya.

Hanya Hariyati sabar melayani kerenah Kak Long menyebabkan beliau terpaksa membawa anaknya itu bersama jika melakukan kerja luar.

Bagi Mama, Kemudahan kesihatan mental masih serba kekurangan di negara kita dan beliau berharap kerajaan meneliti keperluan pusat komuniti harian pesakit mental serta kemudahan pakar psikiatri bagi membantu kelompok berkenaan.

Rawatan moden, spiritual seiring tangani gangguan jiwa

Pesakit gangguan jiwa perlu kembali menyucikan rohani, mendekati agama dan memperkukuhkan kekuatan dalaman supaya tidak mudah hanyut dalam perasaan sendiri, marah, berfikiran negatif atau berkelakuan agresif.

Menurut Pengarah Pusat Terapi dan Psikologi, Impian Therapy Centre, Dr Zul Azlin Razali, setiap individu memiliki empat elemen utama keseimbangan mental manusia yang membantu mereka waras, iaitu biologikal, sosial, psikologikal atau spiritual.

Bagaimanapun, apabila satu keseimbangan terencat atau tidak dapat diperbaiki dengan baik, menyebabkan berlakunya gangguan mental.

Sejarah pahit, tekanan hidup

“Selain itu, kesihatan mental turut dipengaruhi faktor lain seperti genetik, gangguan bahan kimia dalam otak (neurotransmitter), jangkitan virus, sejarah pahit dan tekanan hidup (sosioekonomi rendah).

“Faktor berkenaan dipercayai pencetus kepada tiga peringkat iaitu permulaan - neurosis; pertengahan - psikosis dan teruk - kecelaruan personaliti,” katanya.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkata, pesakit pada peringkat neurosis akan mengalami kemurungan berpanjangan atau kebimbangan melampau yang tidak diketahui puncanya, namun waras.

Pesakit peringkat psikosis mula mengalami gangguan delusi seperti mendengar bisikan atau bermonolog dalam fikiran terlampau kerap sehingga berfikir membahayakan diri sendiri, kecelaruan pemikiran (Schizophrenia) atau perubahan emosi ketara (kecelaruan manik-depresif) manakala kecelaruan personaliti adalah apabila pesakit tidak ingat apa yang dilakukannya dan mencipta satu identiti lain bagi menghilangkan kegelisahan dialami.

“Sering kali orang yang alami masalah mental tidak suka mendekatkan diri dengan aktiviti kerohanian seperti berdoa, solat, mengaji atau membaca al-Quran kerana ia mengganggu dirinya.

“Sebagai penganut Islam, kita percaya berlakunya gangguan makhluk halus atau jin sama ada disebabkan sihir, saka diwarisi atau kehadiran jin nakal yang berniat mengganggu gugat keimanan kepercayaan orang Islam,” katanya.

Gangguan makhluk halus

Secara amnya, gangguan genetik berkait dengan gangguan makhluk halus yang berupaya menimbulkan kecelaruan pemikiran pesakit dan ‘membisikkan’ perbuatan tidak masuk akal

seperti membunuh diri, berfikiran negatif, paranoid dengan orang lain dan tekanan berpanjangan.

Dr Zul Azlin berkata, beliau percaya sesetengah doktor moden hanya membekalkan rawatan psikoterapi atau mengambil ubatan serotonin, dopamin atau adrenalin dan mengabaikan unsur spiritual.

Ada segelintir pengamal pengobatan tradisional bertegas enggan menggunakan perubatan moden sebagai usaha menyembuhkan penyakit mental sehingga menyetepikan aspek ‘biologikal’.

Teknologi dan kerohanian

Berdasarkan pengalamannya, beliau melihat kedua-dua bidang perubatan memiliki kelebihan dan kekurangan serta boleh membantu orang ramai mengatasi masalah mental.

“Unsur teknologi dan kerohanian, dua elemen penting bagi mengembalikan keawaran dan ‘kemasalhatan’ pesakit. Elemen kerohanian dan keyakinan Allah menyembuhkan sakit seseorang hambanya serta usaha (teknologi) dipercayai boleh mengubati pesakit mental,” katanya.

Dr Zul Azlin berkata, orang ramai boleh cuba kaedah bacaan ‘ruqyah’, mantera bacaan al-Quran penawar sihir dan gangguan makhluk halus dan terapi elektrik kompulsif, renjatan elektrik bervoltan rendah bagi menstabilkan bahan kimia dalam badan pesakit.

Pesakit mental yang terbiar lama lebih sukar dipulihkan kerana berkemungkinan berlaku limpahan bahan kimia dan menjejaskan fungsi badan yang lain atau saka bertapak terlalu lama,” katanya yang sentiasa mencari bukti sahih dalam kajiannya.

